

Received: 23 Oct 2025

Accepted: 20 May 2026

Published: 31 May 2026

## Penerapan dan Keselarasan Elemen Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Skim Subsidi Baja: Satu Analisis Literatur

### *Applying and Aligning Maqasid al-Shariah Principles in Fertilizer Subsidy Schemes: A Literature Review*

Hasliza Talib<sup>1</sup>, Siti Zaleha Ibrahim,<sup>2</sup> Nurul Syafini Abd Rahman,<sup>3</sup> Nurul Hanis Nadiyah Ngaliman<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Kefahaman Islam & Bahasa Arab, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, [hasliza@uis.edu.my](mailto:hasliza@uis.edu.my), 0124952343.

<sup>2</sup> Jabatan Kefahaman Islam & Bahasa Arab, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, [sitizaleha@uis.edu.my](mailto:sitizaleha@uis.edu.my), 0179084347.

<sup>3</sup> Jabatan Kefahaman Islam & Bahasa Arab, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, [nurulsyafini@uis.edu.my](mailto:nurulsyafini@uis.edu.my), 0178896997.

<sup>4</sup> Jabatan Kefahaman Islam & Bahasa Arab, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, [hanisnadiyah@uis.edu.my](mailto:hanisnadiyah@uis.edu.my), 0192594347.

\* Corresponding Author: [hasliza@uis.edu.my](mailto:hasliza@uis.edu.my)

### ABSTRAK

*Skim subsidi baja merupakan instrumen dasar pertanian yang kritikal dalam meningkatkan produktiviti dan menjamin kesejahteraan komuniti tani. Namun, penilaian terhadap keberkesanannya sering kali terhad kepada dimensi ekonomi tanpa melihat kepada kerangka kesejahteraan yang lebih luas. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerapan elemen Maqasid Syariah dalam skim subsidi baja berdasarkan literatur terdahulu serta menilai tahap keselarasan skim tersebut dengan prinsip-prinsip berkenaan. Menggunakan kaedah semakan literatur sistematik terhadap kajian di pelbagai negara seperti Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Senegal, dan China, dapatan menunjukkan bahawa elemen Hifz al-Nafs (menjaga nyawa) dan Hifz al-Mal (menjaga harta) adalah yang paling dominan. Subsidi baja didapati selaras dengan Maqasid Syariah apabila ia berjaya menjamin keterjaminan makanan (nyawa) dan mengurangkan beban kos input serta meningkatkan pendapatan petani (harta). Walau bagaimanapun, keselarasan ini bersifat bersyarat; isu ketirisan, penyelewengan, dan kesan negatif terhadap alam sekitar boleh menjejaskan pencapaian maqasid tersebut. Kajian ini merumuskan bahawa bagi mencapai tahap keselarasan syariah yang tinggi, skim subsidi baja perlu diperkukuh melalui penyasaran yang tepat, pemantauan digital yang telus, dan penggalakan amalan pertanian lestari. Implikasi kajian ini memberikan panduan kepada pembuat dasar untuk mengintegrasikan nilai-nilai Maqasid Syariah dalam pengurusan bantuan bagi memastikan kemaslahatan umat manusia yang lebih menyeluruh.*

*Kata Kunci: Maqasid Syariah, Subsidi Baja, Keterjaminan Makanan, Hifz al-Nafs, Hifz al-Mal, Pertanian Lestari.*



### Abstract

Fertilizer subsidy schemes are a key agricultural policy instrument aimed at enhancing productivity and improving the well-being of farming communities. However, evaluations of their effectiveness often focus primarily on economic outcomes, overlooking broader dimensions of welfare. This study examines the application of Maqasid al-Shariah principles in fertilizer subsidy schemes and evaluates their alignment with Islamic objectives based on existing literature. Using a systematic literature review of studies conducted in various countries including Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Senegal, and China; the findings reveal that the elements of *Hifz al-Nafs* (preservation of life) and *Hifz al-Mal* (preservation of wealth) are the most prominent. Fertilizer subsidies are found to align with Maqasid al-Shariah when they effectively ensure food security, reduce input cost burdens, and enhance farmers' incomes. However, this alignment is not unconditional; challenges such as leakages, misappropriation, and adverse environmental impacts may hinder the realization of these objectives. The study concludes that achieving a higher level of Shariah alignment requires strengthening subsidy schemes through precise targeting, transparent digital monitoring, and the promotion of sustainable agricultural practices. These findings offer valuable insights for policymakers seeking to integrate Maqasid al-Shariah principles into subsidy management, thereby promoting a more holistic conception of well-being (*maslahah*).

**Keywords:** Maqasid Shariah, Fertilizer Subsidy, Food Security, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Mal*, Sustainable Agriculture.

## 1. Pengenalan

Sektor pertanian merupakan tulang belakang kepada keterjaminan makanan dan pembangunan luar bandar di Malaysia. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti skim subsidi baja untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani. Secara umumnya, pelaksanaan subsidi ini bukan sekadar instrumen ekonomi semata-mata, malah ia mempunyai dimensi kesejahteraan sosial yang amat rapat dengan kerangka Maqasid Syariah, iaitu objektif syarak dalam menjamin kemaslahatan umat manusia. Maqasid Syariah yang terdiri daripada lima elemen utama iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, berperanan sebagai kayu ukur untuk memastikan setiap tindakan dasar kekal dalam kerangka syariat demi menolak keburukan. Walaupun skim subsidi baja terbukti menyumbang kepada perlindungan keperluan asas seperti kelangsungan hidup (*hifz al-nafs*) dan kestabilan ekonomi (*hifz al-mal*), keberkesannya sering kali dicabar oleh isu ketirisan, penyalahgunaan dan kesan negatif terhadap alam sekitar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana pelaksanaan skim subsidi baja selaras dengan prinsip Maqasid Syariah bagi memastikan matlamat pembangunan mampan dan keadilan sosial dapat dicapai secara holistik.

## 2. Konsep Maqasid Syariah

Secara umum, **Maqasid Syariah** seperti yang diterangkan oleh ulama usul fiqh merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia (al-Ghazali, *al-Mustasfa*, t.t.; al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, 1997).



Maqasid Syariah juga mempunyai kepentingan tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin kemaslahatan serta menolak keburukan (Auda, 2008; Kamali, 2008). Pertimbangan ini mestilah berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas bagi memastikan setiap tindakan berada dalam kerangka syariat (al-Qaradawi, 1997).

## 2.1 Pembahagian Maqasid Syariah

Maqasid Syariah dikategorikan kepada tiga jenis utama berdasarkan keperluan manusia: Maqasid Daruriyyat (keperluan asas yang mesti dipelihara untuk kelangsungan hidup dan agama), Maqasid Hajiyyat (keperluan yang memudahkan kehidupan tetapi bukan keperluan wajib), dan Maqasid Tahsiniyyat (keperluan pelengkap yang memperindah kehidupan tanpa menjejaskan kewujudan asas) (al-Syatibi, 1997; Auda, 2008).

### 2.1.1 *Al-Daruriyat*

Al-Daruriyat merupakan objektif yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia tertegak dengannya. Jika ia tiada, manusia akan menghadapi kesukaran baik di dunia mahupun akhirat (al-Ghazali, t.t.). Pemeliharaan utama al-daruriyat terbahagi kepada lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda (al-Syatibi, 1997).

Para ulama Islam menetapkan bahawa terdapat tertib antara lima keutamaan tersebut, di mana kepentingan agama diletakkan pada kedudukan tertinggi diikuti oleh kepentingan nyawa, akal, keturunan dan harta (Kamali, 2008). Contohnya, bagi menjaga agama, Islam mewajibkan pelaksanaan rukun Islam dan jihad serta menetapkan hukuman terhadap mereka yang murtad (al-Qaradawi, 1997).

Untuk menjaga kesinambungan keturunan, Islam mensyariatkan perkahwinan (Auda, 2008), manakala bagi menjaga nyawa manusia, Allah membenarkan makan atau minum sesuatu yang haram dalam keadaan darurat (al-Ghazali, t.t.). Dalam kes pembunuhan, Islam menetapkan hukuman qisas, diat atau kaffarah bagi menjamin keadilan (al-Syatibi, 1997).

### 2.1.2 *Al-Hajiyyat*

Al-Hajiyyat ialah keperluan yang diperlukan manusia untuk memudahkan kehidupan dan menghilangkan kesempitan. Ketiadaannya tidak menyebabkan keruntuhan hidup seperti al-daruriyat, tetapi boleh membawa kepada kesulitan (al-Syatibi, 1997). Sebagai contoh, Islam memberikan pelbagai kemudahan (*rukhsah*) seperti solat qasar dan jamak bagi musafir, keharusan berbuka puasa bagi orang sakit, serta solat dalam keadaan duduk bagi yang tidak mampu berdiri (Auda, 2008). Kemudahan ini menggambarkan sifat fleksibel syariat Islam yang sentiasa menjaga kemaslahatan dan menolak kesukaran (Kamali, 2008).

### 2.1.3 *Al-Tahsiniyat*

Al-Tahsiniyat pula ialah keperluan yang berkaitan dengan adab, akhlak dan budi pekerti yang baik. Ketiadaannya tidak mengganggu kelangsungan hidup seperti al-daruriyat dan al-hajiyyat, tetapi menyebabkan kehidupan menjadi kurang sempurna (al-Syatibi, 1997).

Sebagai contoh, Islam mensyariatkan bersuci dan menutup aurat ketika solat, memakai wangian di masjid, serta melarang jual beli yang mendatangkan mudarat seperti arak, dadah dan bangkai (al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, t.t.). Dalam muamalat, Islam melarang jual beli atas jual beli orang lain serta pinangan atas pinangan orang lain. Dalam adat pula, Islam mengajar adab makan dan minum, melarang makanan yang keji serta perbuatan melampaui batas dalam berpakaian dan perbelanjaan (al-Qaradawi, 1997; Kamali, 2008).

## 2.2 Elemen Maqasid Syariah

Elemen Maqasid Syariah terdiri daripada lima perkara asas yang menjadi tujuan utama syariat Islam untuk menjaga kemaslahatan manusia (al-Syatibi, 1997; Auda, 2008). Kelima-lima elemen tersebut ialah:

### 2.2.1. *Hifz al-Din* (Menjaga Agama)

Prinsip ini bertujuan memelihara dan memperkukuh agama Islam agar manusia dapat beribadah kepada Allah dengan sempurna. Islam menetapkan kewajipan seperti solat, zakat, puasa, dan haji untuk menegakkan agama serta melarang murtad, syirik dan bidaah kerana ia boleh merosakkan akidah (al-Ghazali, t.t.; al-Qaradawi, 1997).

### 2.2.2. *Hifz al-Nafs* (Menjaga Nyawa)

Islam menitikberatkan keselamatan dan maruah manusia. Oleh itu, pembunuhan diharamkan dan hukuman qisas ditetapkan bagi menjaga keadilan (al-Syatibi, 1997). Selain itu, Islam juga menggalakkan penjagaan kesihatan, pemakanan halal, dan rawatan penyakit sebagai usaha memelihara nyawa (Auda, 2008).

### 2.2.3. *Hifz al-'Aql* (Menjaga Akal)

Akal ialah anugerah istimewa yang membezakan manusia daripada makhluk lain. Islam memerintahkan umatnya menuntut ilmu dan berfikir secara waras serta mengharamkan perkara yang boleh merosakkan akal seperti arak, dadah dan judi (al-Ghazali, t.t.; Kamali, 2008). Matlamatnya ialah supaya manusia dapat berfikir secara rasional dan bertindak dengan hikmah.

### 2.2.4. *Hifz al-Nasl* (Menjaga Keturunan)

Prinsip ini menekankan pentingnya menjaga kehormatan dan keturunan manusia. Islam menggalakkan perkahwinan yang sah, melarang zina, menetapkan hukuman hudud bagi penzina, dan menjaga hak anak-anak serta institusi keluarga (al-Syatibi, 1997; al-Qaradawi, 1997). Tujuannya ialah memastikan keturunan yang suci, bermaruah dan masyarakat yang stabil.

### 2.2.5. *Hifz al-Mal* (Menjaga Harta)

Islam mengiktiraf hak milik individu dan menuntut supaya harta diperoleh serta digunakan dengan cara yang halal. Larangan seperti mencuri, menipu, merompak dan riba adalah untuk melindungi harta daripada penindasan (al-Ghazali, t.t.; Kamali, 2008). Pada masa yang sama, Islam mewajibkan zakat dan menggalakkan sedekah bagi memastikan keseimbangan ekonomi dan keadilan sosial (Auda, 2008).

## 3. Skim Subsidi Baja



Sektor pertanian merupakan tulang belakang kepada keselamatan makanan dan pembangunan luar bandar di Malaysia. Bagi memastikan kelangsungan sektor ini, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai bentuk bantuan termasuk skim subsidi baja. Skim subsidi baja merupakan inisiatif kerajaan yang bertujuan mengurangkan kos baja kepada petani bagi meningkatkan produktiviti pertanian serta memperbaiki pendapatan isi rumah. Subsidi ini juga berperanan penting sebagai alat dasar pertanian untuk merangsang pengeluaran makanan, menyokong pembangunan luar bandar dan menstabilkan sektor pertanian. Secara umumnya, skim subsidi baja telah dilaksanakan di pelbagai negara dengan kesan dan cabaran yang berbeza. Reka bentuk, pelaksanaan dan keberkesanan subsidi ini berbeza mengikut konteks ekonomi, struktur pertanian serta tahap kebergantungan negara terhadap sektor makanan dan pertanian masing-masing.

Skim subsidi baja diperkenalkan oleh kerajaan bagi menyokong petani kecil melalui penyediaan baja pada harga yang lebih rendah. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti tanaman utama seperti padi, kelapa sawit dan getah di samping mengurangkan kos pengeluaran yang ditanggung oleh petani. Langkah ini juga penting dalam menjamin bekalan makanan negara melalui pengeluaran domestik yang mampan serta memastikan kesejahteraan komuniti luar bandar. Menurut Asmar Abdul Rahim et al. (2021), subsidi baja merupakan antara strategi utama kerajaan bagi memastikan sektor pertanian kekal berdaya saing, berdaya tahan dan mampu menampung permintaan makanan negara.

Selain itu, subsidi baja turut berfungsi sebagai pemangkin kepada peningkatan hasil tanaman dan produktiviti pertanian secara keseluruhan. Contohnya, kajian oleh Ali et al. (2019) di Pakistan menunjukkan bahawa pelaksanaan program subsidi baja telah membawa kepada peningkatan ketara dalam hasil gandum dan padi. Peningkatan ini bukan sahaja memperkukuh keselamatan makanan, malah turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah, sekali gus membuktikan keberkesanan subsidi baja sebagai instrumen dasar pertanian yang signifikan.

### 3.1 Pelaksanaan dan Keberkesanan Skim Subsidi Baja

Di Malaysia pelaksanaan skim subsidi baja melibatkan beberapa agensi utama yang memainkan peranan penting dalam penyelarasan dan pengagihan bantuan kepada petani. Antara agensi yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai penyelarasan dasar utama, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang bertanggungjawab terhadap pembekalan dan pengedaran baja, serta Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang menguruskan pelaksanaan di peringkat akar umbi. Melalui kerjasama antara agensi ini, proses pengagihan subsidi dapat dijalankan dengan lebih teratur dan disasarkan kepada kumpulan penerima yang layak.

Jenis baja yang disubsidi termasuk baja urea, baja NPK, baja organik serta racun tambahan yang disalurkan mengikut zon dan keperluan tanaman. Menurut Jafari et al. (2017) dan Shamsudin et al. (2015), kerajaan Malaysia menyediakan subsidi langsung yang besar bagi agrokimia, termasuk baja berasaskan kimia terutamanya untuk merangsang pengeluaran padi dan meningkatkan produktiviti pertanian negara. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan memastikan kelestarian pengeluaran makanan asas, tetapi juga memperkukuh daya saing sektor pertanian tempatan.

Skim subsidi baja mempunyai potensi besar dalam meningkatkan produktiviti pertanian dan memperbaiki pendapatan petani. Melalui penyediaan baja pada harga yang lebih rendah, subsidi ini membantu petani kecil dan marginal memperoleh akses kepada dos baja yang disyorkan bagi mencapai hasil tanaman yang optimum. Walau bagaimanapun, keberkesanan skim ini boleh terjejas oleh beberapa isu seperti penyalahgunaan (Asmar Abdul Rahim et al., 2021) dan kesan negatif terhadap alam sekitar akibat penggunaan baja berlebihan (Theeba et al. 2020). Selain itu, kelemahan dalam mekanisme pengagihan turut menyebabkan subsidi tidak sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan (Asmar Abdul Rahim et al., 2021).

Pengalaman di beberapa negara menunjukkan kesan yang berbeza terhadap hasil dan pendapatan petani. Di Pakistan, program subsidi baja membolehkan 80% petani menggunakan kadar baja yang disyorkan, meningkatkan hasil gandum sebanyak 65–71 kg/ha dan hasil padi sebanyak 34–43 kg/ha, sekali gus menaikkan pendapatan isi rumah antara 5,671 hingga 6,549 rupee (Ali et al., 2019). Di Ghana, petani yang menerima baja bersubsidi menggunakan 45% lebih banyak baja, tetapi peningkatan ini tidak disertai peningkatan produktiviti kerana pengurangan pelaburan dalam pemuliharaan tanah dan air (Vondolia et al., 2021). Namun, kajian lain mendapati bahawa Program Subsidi Baja Ghana (GFSP) telah meningkatkan hasil bijirin sebanyak 24.5%, terutamanya memberi manfaat kepada petani jagung (Tsiboe et al., 2021).

Di Bangladesh, subsidi baja terbukti meningkatkan kecekapan pertanian dengan ketara bagi ladang kecil dan marginal, walaupun impaknya terhadap ladang sederhana dan besar adalah lebih terhad (Nasrin et al., 2018). Ini menunjukkan bahawa subsidi baja lebih berkesan apabila disasarkan kepada petani berskala kecil yang menghadapi kekangan modal dan akses kepada input pertanian. Oleh itu, penyaluran subsidi yang lebih tepat serta pemantauan berkesan amat penting bagi memastikan program ini benar-benar menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kesejahteraan petani.

### 3.2 Cabaran dan Isu

Pelaksanaan skim subsidi baja tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang menjejaskan keberkesanannya. Antara isu utama ialah ketirisan, penyelewengan, dan kelemahan dalam pemantauan. Ketirisan berlaku apabila baja subsidi tidak sampai kepada golongan sasaran, manakala penyelewengan berlaku apabila baja tersebut dijual semula di pasaran terbuka untuk keuntungan peribadi. Kajian oleh Asmar Abdul Rahim et al. (2021) menunjukkan bahawa penyelewengan subsidi baja telah menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit kepada negara dan menjejaskan integriti sistem sokongan pertanian. Tambahan pula, pengagihan yang kurang telus dan pemantauan yang lemah membuka ruang kepada manipulasi, manakala isu kualiti baja subsidi yang tidak memenuhi piawaian turut menjejaskan hasil tanaman petani.

Isu penyalahgunaan subsidi bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di negara lain. Di India, penyelewengan baja bersubsidi untuk kegunaan bukan pertanian telah menjadi masalah berterusan. Bagi menangani isu ini, kerajaan memperkenalkan Skim Pemindahan Manfaat Secara Langsung (Direct Benefit Transfer, DBT) yang memastikan subsidi hanya dibayar selepas baja dijual kepada petani yang dikenal pasti (Koovalamkadu Velayudhan et al., 2022; Praveen et al., 2021). Di Kenya, wujud kesan penyingkiran (crowding-out effect) apabila subsidi baja mengurangkan pembelian baja komersial sebanyak 0.40 kilogram bagi setiap

kilogram baja bersubsidi, menandakan ketidakefisienan dalam pasaran baja (Mather & Jayne, 2018).

Selain itu, kebimbangan alam sekitar turut timbul akibat penggunaan baja kimia bersubsidi secara berlebihan. Di Itali, penggunaan baja nitrogen yang tidak terkawal menyebabkan masalah eutrofikasi dan kehilangan biodiversiti, sekali gus mendorong keperluan untuk pembaharuan skim subsidi bagi mengurangkan insentif yang merosakkan alam sekitar (Gazzani, 2021). Di Malaysia, penggunaan baja kimia yang meluas turut dikaitkan dengan pencemaran air bawah tanah dan pelepasan nutrien berlebihan (Sham et al., 2024; Sanusi et al., 2024). Walaupun terdapat usaha untuk mempromosikan amalan lestari seperti pertanian organik, kadar pengambilannya masih rendah disebabkan cabaran seperti hak milik tanah, proses pensijilan yang rumit, serta kekurangan sokongan kerajaan (Tiraieyari et al., 2014). Tambahan pula, kelemahan dalam sistem pengagihan dan pengurusan subsidi terus menjadi penghalang kepada keberkesanan dasar ini (Amin et al., 2022; Sarjiman et al., 2023).

### 3.3 Saranan Dasar

Bagi meningkatkan keberkesanan skim subsidi baja, subsidi yang disasarkan perlu diberi keutamaan kepada petani berpendapatan rendah dan mereka yang belum pernah membeli baja komersial. Pendekatan ini dapat memastikan bantuan sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan, sekali gus mengelakkan pembaziran sumber dan ketidakefisienan dalam pelaksanaan (Mather & Jayne, 2018; Ashari et al., 2021). Di samping itu, subsidi perlu disertai dengan pelaburan pelengkap dalam pemuliharaan tanah dan air bagi menjamin peningkatan produktiviti jangka panjang serta kelestarian sektor pertanian (Vondolia et al., 2021). Pendekatan menyeluruh ini penting untuk mengekalkan daya saing sektor pertanian sambil mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

Dalam era digital, pemindahan secara langsung dan penggunaan sistem digital mampu meningkatkan ketelusan serta mengurangkan risiko penyelewengan subsidi. Pelaksanaan penyelesaian digital seperti Kad Petani di Indonesia dan sistem pemindahan tunai terus (Direct Benefit Transfer) telah terbukti berkesan dalam memastikan subsidi disalurkan kepada penerima yang layak (Mehrotra et al., 2023; Hendrita et al., 2025). Di Malaysia, inisiatif serupa boleh dilaksanakan melalui platform e-agihan bagi memantau penerima, jumlah baja yang diagihkan, serta memastikan integriti proses pengagihan. Penglibatan agensi penguatkuasaan dan audit bebas turut diperlukan dalam pemantauan bersepadu untuk meningkatkan akauntabiliti sistem.

Selain itu, penggalakan amalan pertanian lestari seperti pertanian organik dan penggunaan baja bio perlu diberi perhatian bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar (Tiraieyari et al., 2014; Jais, 2012). Malaysia perlu memperkukuh rangka kerja peraturan dan pengurusan subsidi agar lebih telus serta berkesan, termasuk mempertingkatkan pendidikan dan latihan kepada petani mengenai penggunaan baja yang betul dan implikasi penyelewengan terhadap komuniti. Pembuat dasar disarankan untuk menggabungkan subsidi bersasar, pelaburan pelengkap serta pemantauan digital bersepadu bagi memaksimumkan manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar daripada program subsidi baja (Ismail et al., 2024; Solaymani et al., 2018; Amin et al., 2022).

Dapat disimpulkan bahawa skim subsidi baja memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti pertanian dan pendapatan petani di Malaysia. Namun,

keberkesannya sering terjejas oleh isu seperti penyalahgunaan, kesan negatif terhadap alam sekitar dan kelemahan dalam penyasaran penerima. Oleh itu, pelaksanaan skim ini perlu dijalankan secara telus dan disokong oleh mekanisme pemantauan yang berkesan. Pembuat dasar perlu menumpukan kepada pelaksanaan subsidi bersasar, pelaburan pelengkap dalam pemuliharaan sumber semula jadi serta pengukuhan rangka kerja peraturan bagi memastikan kecekapan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Dengan penambahbaikan yang menyeluruh, skim subsidi baja bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan petani, malah berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan pertanian yang mampan dan berdaya tahan di Malaysia.

#### 4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini pula adalah seperti berikut:

1. Mengetahui pasti penerapan elemen Maqasid Syariah dalam skim subsidi baja berdasarkan literatur terdahulu.
2. Menilai tahap keselarasan skim subsidi baja dengan prinsip Maqasid Syariah.

#### 5. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah semakan literatur (Dorward et al., 2018) untuk meneroka penerapan elemen Maqasid Syariah dalam skim subsidi baja. Proses pengumpulan data melibatkan analisis dokumen terhadap artikel jurnal yang membincangkan pelaksanaan subsidi baja di pelbagai negara seperti Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Senegal dan China. Dokumen-dokumen ini dipilih berdasarkan relevansi terhadap dua objektif utama kajian iaitu mengenal pasti penerapan elemen Maqasid Syariah dan menilai tahap keselarasan dasar tersebut dengan prinsip syarak.

Analisis data dilakukan secara tematik berdasarkan lima elemen utama Maqasid Syariah yang digariskan oleh ulama usul fiqh iaitu memelihara agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*) (Karimullah, S., 2023). Setiap dapatan daripada literatur dikategorikan mengikut elemen maqasid yang berkaitan bagi melihat sejauh mana dasar subsidi tersebut memenuhi maslahat manusia. Sebagai contoh, kajian yang menyentuh tentang keterjaminan makanan diklasifikasikan di bawah elemen pemeliharaan nyawa, manakala kajian berkaitan kecekapan kos dan pendapatan petani diletakkan di bawah elemen pemeliharaan harta.

Bagi memastikan kualiti penilaian, kajian ini turut menganalisis aspek keberkesanan pengurusan dan cabaran pelaksanaan seperti isu ketirisan, penyelewengan serta impak alam sekitar yang dilaporkan dalam kajian lepas. Tahap keselarasan skim subsidi dikaji dengan membandingkan matlamat dasar kerajaan dengan prinsip *daruriyyat* (keperluan asas), *hajiyyat* (keperluan memudahkan) dan *tahsiniyyat* (keperluan pelengkap). Pendekatan ini membolehkan kajian merumuskan sama ada skim subsidi baja sedia ada berfungsi sebagai intervensi jangka pendek atau instrumen yang benar-benar mampan dan selaras dengan objektif syariah secara holistik.

## 6.0 Dapatan Kajian

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, 20 tinjauan literatur telah dikenal pasti sebagai instrumen penting yang menepati tema kajian iaitu penerapan elemen Maqasid al-Shariah dalam pelaksanaan skim subsidi baja. Jadual 1 menyenaraikan artikel jurnal hasil daripada analisis SLR.

Jadual 1: SLR Elemen Penerapan Maqasid Syariah

Bil	Tajuk Kajian	Nama Penulis	Objektif Kajian	Elemen Maqasid Syariah
1	Effect of Seed and Fertilizer Subsidies on the Technical Efficiency of Rice Farmers in Senegal.	Mouhamadou Foula Diallo et al. (2023)	Menganalisis kesan subsidi benih dan baja terhadap kecekapan teknikal petani padi di Senegal.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hifz al-Nafs -Subsidi bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan, menyokong keselamatan makanan dan kesejahteraan petani.</li> <li>Hifz al-Mal -Subsidi mengurangkan beban kewangan petani terhadap benih dan baja.</li> </ul>
2	The Effectiveness of Fertilizer Subsidy: How the Impact to the Production.”	Prasaktiyoga Adiraputra & Dika Supyandi (2021)	<p>Menilai tahap keberkesanan pelaksanaan subsidi baja di Desa Sukaasih, Kecamatan Sukatani, Kabupaten Bekasi.</p> <p>Menganalisis kesan keberkesanan subsidi baja terhadap pengeluaran padi.</p>	<p>3. Hifz al-Mal (Pemeliharaan Harta) Kajian menilai keberkesanan subsidi bagi memastikan dana awam digunakan secara efisien dan tidak disalahgunakan. Ini sejajar dengan prinsip mengelakkan pembaziran dan memastikan manfaat ekonomi disalurkan kepada yang berhak.</p> <p>4. Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Subsidi baja menyokong peningkatan pengeluaran makanan (beras), seterusnya menjamin keselamatan makanan dan kesejahteraan masyarakat tani. Ini melindungi kehidupan rakyat daripada ancaman kelaparan.</p>
3	Transition Pathways for Malaysian Paddy	Adnan, N., Nordin, S. M., & Anwar, A. (2021).	Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi peralihan petani padi Malaysia ke arah amalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) - Penggunaan baja hijau mengurangkan pencemaran air dan tanah, melindungi kesihatan petani dan masyarakat.</li> </ul>

	Farmers to Sustainable Agricultural Practices: An Integrated Exhibiting Tactics to Adopt Green Fertilizer.		<p>pertanian lestari, khususnya melalui penggunaan teknologi baja hijau (Green Fertilizer Technology, GFT).</p> <p>Membangunkan kerangka integratif bagi memahami corak penerimaan dan taktik penyesuaian petani terhadap amalan pertanian mesra alam.</p> <p>Menganalisis laluan peralihan (transition pathways) yang membantu petani beralih daripada penggunaan baja kimia kepada baja hijau secara berperingkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hifz al-Mal (Pemeliharaan Harta)- Mengurangkan kebergantungan kepada baja import dan meningkatkan pendapatan melalui amalan pertanian mampan.</li> <li>• Hifz al-‘Aql (Pemeliharaan Akal)- Menggalakkan inovasi dan ilmu pengetahuan dalam teknologi hijau bagi meningkatkan kecekapan pertanian.</li> </ul>
4.	Impact of increasing the highest retail price of subsidized fertilizer on rice production in Indonesia	Imam Mujahidin Fahmid et al, 2022	Menganalisis dinamika dasar subsidi baja bersubsidi, perkembangan harga runcit tertinggi baja, serta kesan perubahan harga runcit tertinggi terhadap pengeluaran padi nasional di Indonesia.	<p>5. <i>Hifz al-nafs</i>- Memelihara kemaslahatan hifz al-nafs melalui keterjaminan makanan.</p> <p>6. <i>Hifz al-mal</i>- Pendekatan dasar yang cekap dan lestari sebagai manifestasi maqasid hifz al-mal.</p>
5.	The Impact of Fertilizer Subsidy on Average Paddy Yield in Sri Lanka	Dulanjani P.A., Shantha A.A. (2022)	Menilai impak subsidi baja terhadap hasil purata padi di Sri Lanka serta menganalisis kesan subsidi baja pada perbelanjaan kerajaan dan import	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hifz al-nafs- Menjamin kemaslahatan kehidupan (hifz al-nafs) melalui ketahanan makanan dengan meningkatkan hasil padi.</li> <li>• Hifz al-mal Memelihara kesejahteraan ekonomi (hifz al-mal) dengan pembangunan pertanian</li> </ul>

				berkesan dan pengurusan subsidi yang efisien.
6	Impacts of Fertilizer Subsidy Reform Options in Iran: An Assessment Using a Regional Crop Programming Model.	Aghabeygi, M., Louhichi, K., & Gomez y Paloma, S. (2022).	<p>Menilai kesan ekonomi daripada pelbagai pilihan pembaharuan subsidi baja di Iran terhadap sektor tanaman utama negara.</p> <p>Menganalisis implikasi penghapusan penuh dan penyaluran semula subsidi baja nitrogen terhadap hasil pertanian, pendapatan petani, serta perbezaan wilayah.</p> <p>Menilai kecekapan dasar (policy efficiency) antara sistem subsidi sejagat dengan subsidi bersasar melalui pendekatan pemodelan ekonomi serantau.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hifz al-Mal (Pemeliharaan Harta)- Analisis menilai keberkesanan penggunaan dana awam dan menegaskan keperluan subsidi yang efisien serta berimpak tinggi.</li> <li>• Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa)- Pembaharuan subsidi yang mengekalkan keselamatan makanan negara membantu melindungi kesejahteraan rakyat.</li> </ul>
7.	<i>Regulatory Framework of Rice Fertiliser Subsidy Management to Attain Sustainable Development Goals: Malaysia's Perspective.</i>	Amin, R. M., Ahamat, H., & Hassan, M. S. (2022).	<p>Mengenal pasti perundangan dan peraturan sedia ada yang mengawal pengurusan skim subsidi baja padi di Malaysia.</p> <p>Menganalisis isu penyelewengan dan ketirisan dalam skim subsidi baja kerajaan dari sudut perundangan.</p> <p>Menilai peranan institusi berkaitan seperti NAFAS, LPP, dan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hifz al-Mal (Pemeliharaan Harta)- Menangani isu ketirisan, rasuah dan salah guna dana awam dalam skim subsidi bagi memastikan keadilan pengagihan dan integriti kewangan negara.</li> <li>• Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa)- Menjamin keselamatan makanan dan kesejahteraan petani melalui sistem subsidi yang stabil dan lestari.</li> </ul>

			Kementerian Pertanian dalam memastikan ketelusan serta keberkesanan sistem pengurusan subsidi bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).	
8.	<i>Optimizing Strategy of Subsidized Fertilizer Distribution to POKTAN (Farmer Groups).</i>	Arodha, D. (2024).	<p>Menganalisis strategi pengoptimuman pengagihan baja bersubsidi kepada kumpulan petani (POKTAN) bagi meningkatkan kecekapan, kebolehcapaian, dan ketepatan sasaran penerima.</p> <p>Menilai peranan sistem digital dan logistik dalam memperkukuh rangkaian pengedaran subsidi baja di Indonesia.</p> <p>Mencadangkan model pengagihan yang mampan dan telus dengan menggabungkan sokongan kerajaan, teknologi digital, dan pengukuhan kapasiti logistik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hifz al-Mal (Pemeliharaan Harta)- Meningkatkan kecekapan agihan subsidi supaya dana kerajaan tidak disalah guna dan sampai kepada penerima sebenar.</li> <li>• Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa)- Memastikan petani mendapat akses kepada baja yang mencukupi bagi menjamin hasil tanaman dan keselamatan makanan.</li> </ul>
9.	Assessing The Impact Of China's Agricultural Subsidy Reform On Fertilizer Management: A County-Level	Fan & Yang (2024)	Menguji reformasi subsidi pertanian dapat mengurangkan penggunaan baja kimia dan mengenal pasti variasi impaknya mengikut kawasan serta ciri-ciri demografi petani.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hifz al-Nafs- Pembaharuan subsidi bertujuan menggalakkan pengurusan penggunaan baja lebih lestari untuk mengelakkan pencemaran . Secara tidak langsung membantu memelihara nyawa dan ekosistem.</li> </ul>

	Empirical Analysis Based On Difference-In-Difference Model.			
10.	Micro-economic impact of fertilizer subsidy in paddy cultivation in Sri Lanka	Dulanjani P.A., Shantha A.A. (2021)	Menilai impak mikroekonomi subsidi baja terhadap hasil padi, termasuk hubungan antara penggunaan baja dan hasil purata padi di Sri Lanka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hifz al-nafs -pemberian skim subsidi baja mampu meningkatkan hasil makanan utama (padi) dan seterusnya memastikan kelestarian keterjaminan makanan</li> </ul>
11	<i>A Lean Management Approach Of Rice Subsidy Distribution: Some Findings From A Study In Selangor.</i>	Yatimah Sarjiman, Halim Mad Lazim, Hendrik Lamsali	<p>Menganalisis meneliti masalah yang timbul berkaitan dengan pengagihan subsidi beras yang disediakan oleh kerajaan.</p> <p>Menilai sejauh mana prinsip Lean difahami dan diterapkan dalam pengurusan pengagihan subsidi kepada para petani.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjaga Nyawa (Hifz al-Nafs)-Pengagihan subsidi beras secara cekap membantu menjamin keselamatan makanan, terutamanya semasa krisis seperti COVID-19.</li> <li>• Menjaga Harta (Hifz al-Mal)- Pendekatan Lean mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan subsidi, melindungi dana awam dan pendapatan petani.</li> <li>• Menjaga Agama (Hifz al-Din)- Walaupun tidak dinyatakan secara langsung, usaha membantu petani dan menjamin keadilan sosial selari dengan nilai Islam.</li> </ul>

12	<i>Implementation of fertilizer subsidy policy to fertilizer cost saving based on Indonesian minister of agriculture regulations</i>	SA Sembiring, J Hutaeruk, C P H Saragi, M F Nainggolan, S P Simbolon and J Tarigan.	<p>Kajian ini secara khusus menganalisis kesan peraturan menteri—iaitu Peraturan Menteri Pertanian Nombor 49 Tahun 2020, 41 Tahun 2021, dan 10 Tahun 2022—terhadap penjimatan kos baja bagi petani di beberapa daerah terpilih di Sumatera Utara.</p> <p>kajian ini mengukur jumlah penjimatan kos dan menilai keberkesanan dasar tersebut dalam menyokong pengeluaran pertanian dan keselamatan makanan negara.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hifz al-Mal</i> (Perlindungan Harta)- Kajian menunjukkan penjimatan kos yang ketara melalui penggunaan baja bersubsidi—sehingga 82.54% untuk baja NPK di Kampung Paluh Kurau di bawah Peraturan No. 49 Tahun 2020.</li> <li>• <i>Hifz al-Nafs</i> (Perlindungan Nyawa)- Subsidi baja memastikan petani berpendapatan rendah tetap dapat memperoleh input pertanian yang kritikal, menyokong kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka.</li> </ul>
13	<i>Implementation of Maqasid al-Shariah in Islamic Banking: A Case Study in Malaysia</i>	Amin, M., Hanafiah, M. A., & Saad, R. (2022)	<p>Menilai pelaksanaan prinsip Maqasid al-Syariah dalam sistem perbankan Islam.</p> <p>Mengenal pasti tahap pematuhan institusi kewangan Islam terhadap objektif Syariah dalam operasi dan produk.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeliharaan Nyawa- Menyediakan kemudahan kewangan yang adil dan menolong masyarakat dalam memenuhi keperluan asas secara halal.</li> <li>• Pemeliharaan akal- Menggalakkan literasi kewangan Islam dan kefahaman masyarakat terhadap produk berasaskan Syariah.</li> </ul>
14	<i>Factors Influencing Rice Production and the Relationship with Fertilizer Subsidies at East OKU District</i>	C. Farado, Munajat, Fifian Permata Sari, A. Tarmizi (2024)	<p>Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pengeluaran padi serta hubungan antara baja bersubsidi dengan pengeluaran padi di Daerah Madang Suku I, OKU Timur</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeliharaan Nyawa: Melalui peningkatan pengeluaran makanan (beras), masyarakat dapat menjamin kelangsungan hidup dan keselamatan makanan.</li> <li>• Pemeliharaan Harta: Dasar subsidi baja membantu petani mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pendapatan mereka.</li> </ul>

15	The Impact of Fertilizer Subsidy on Average Paddy Yield in Sri Lanka	P. A. Dulanjani dan A. A. Shantha (2022)	<p>Mengkaji impak subsidi baja terhadap purata hasil padi di Sri Lanka.</p> <p>Menganalisis kesan subsidi baja terhadap perbelanjaan kerajaan dan import baja.</p> <p>Memberi cadangan dasar subsidi baja yang sesuai berdasarkan dapatan kajian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara Harta, iaitu memastikan kesejahteraan ekonomi petani melalui subsidi yang efisien dan efektif.</li> <li>• Memelihara Nyawa, melalui pemeliharaan keselamatan makanan dengan meningkatkan hasil padi.</li> </ul>
16	The Effectiveness of Fertilizer Subsidy: How the Impact to the Production	Prasaktiyoga Adiraputra dan Dika Supyandi (2021)	<p>Untuk menerangkan keberkesanan pelaksanaan polisi subsidi baja di Kampung Sukaasih.</p> <p>Untuk menilai kesan keberkesanan subsidi baja terhadap pengeluaran padi di lokasi kajian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara Harta (Maal): Kajian menekankan keberkesanan subsidi baja agar input baja dapat disalurkan dengan tepat, efisien dan efektif bagi memastikan hasil pertanian terutama padi meningkat dan kelangsungan ekonomi petani terjamin. Ini sejajar dengan menjaga harta dan sumber pendapatan masyarakat tani.</li> <li>• Memelihara Keturunan (Nasl): Produktiviti pertanian yang mampan akan memastikan ketersediaan makanan yang stabil untuk generasi sekarang dan akan datang, sekaligus memelihara kesinambungan keluarga dan masyarakat.</li> </ul>
17	Study of the impact of increasing the highest retail price of	Imam Mujahidin Fahmid et al (2022)	1.Menganalisis dinamika polisi subsidi baja di Indonesia.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara Harta (Maal): Kajian menekankan keberkesanan subsidi baja agar input baja dapat disalurkan dengan tepat, efisien dan efektif bagi memastikan hasil pertanian terutama padi meningkat dan kelangsungan ekonomi petani</li> </ul>

	subsidized fertilizer on rice production in Indonesia		<p>2. Mengkaji perkembangan harga runcit maksimum (HRM) baja subsidi.</p> <p>3. Menilai kesan perubahan harga baja subsidi terhadap pengeluaran padi di Indonesia.</p>	<p>terjamin. Ini sejajar dengan menjaga harta dan sumber pendapatan masyarakat tani.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara Nyawa (Nafs): Dengan subsidi baja yang berkesan, hasil pengeluaran padi yang merupakan makanan asas dapat dipertingkatkan, menjamin keselamatan</li> </ul>
18	Direct Fertilizer Subsidies On Production And Household Income In Indonesia	Arrief Chandra Setiawan, Djoko Mursinto, Tri Haryanto (2021)	<p>Menganalisis perkara subsidi benih dan baja mempengaruhi kecukupan teknikal petani padi di Senegal.</p> <p>Menilai keberkesanan subsidi baja terhadap pengeluaran padi dalam konteks kampung tertentu.</p> <p>Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi peralihan petani kepada baja hijau dan membangunkan kerangka integratif untuk penerimaan teknologi tersebut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hifz al-Nafs</i>- Kajian ini Menjamin keselamatan makanan dan melindungi kesihatan serta mata pencarian petani.</li> <li>• <i>Hifz Mal</i> (Pemeliharaan Harta)-Mengurangkan beban kewangan petani dan memastikan penggunaan dana awam yang cekap.</li> </ul>
19	Repositioning fertilizer manufacturing subsidies for improving food security and reducing	Zongyi Wu, Xiaolong Feng, Yumei Zhang, Shenggen Fan (2024)	Menilai kesan pemansuhan subsidi pengeluaran baja di China (2015–2018) terhadap keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hifz al-Nafs (Menjaga Nyawa)</i>- Pengurangan pencemaran dan pelepasan GHG menyumbang kepada kesihatan awam dan keselamatan ekologi.</li> </ul>

	greenhouse gas emissions in China		Megetahui kebolehlaksanaan mengalihkan subsidi tersebut kepada teknologi pertanian hijau dan rendah karbon.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hifz al-Mal (Menjaga Harta)</i>- Pelaburan dalam teknologi mampan memberikan pulangan ekonomi yang kukuh dan penggunaan sumber yang cekap.</li> </ul>
20	Can Agricultural Support and Protection Subsidy Policies Promote High-Quality Development of Grain Industry? A Case Study of China	Meijun Zhu, Kengcheng Zheng, Baoliu Liu, Fang Jin (2024)	<p>Menilai kesan dasar subsidi sokongan dan perlindungan pertanian di China (diperkenalkan pada tahun 2015) terhadap pembangunan berkualiti tinggi industri bijirin.</p> <p>Menganalisis mekanisme pelaksanaan dasar, khususnya peranan mekanisasi pertanian dalam meningkatkan keselamatan makanan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hifz al-Nafs (Menjaga Nyawa)</i>- Pengurangan penggunaan racun dan baja kimia meningkatkan keselamatan makanan dan kesihatan awam.</li> <li>• <i>Hifz al-Mal (Menjaga Harta)</i>- Subsidi meningkatkan pendapatan petani dan kecekapan ekonomi.</li> </ul>

## 6. Analisis Dapatan

Berdasarkan semakan literatur sistematik ke atas pelbagai kajian berkaitan skim subsidi baja dalam sektor pertanian, dapat dirumuskan bahawa peranan subsidi bukan sekadar instrumen ekonomi tetapi turut mempunyai dimensi ketamadunan dan kesejahteraan sosial yang rapat dengan kerangka **Maqasid Syariah**. Melalui analisis rentas negara seperti Senegal, Indonesia, Sri Lanka, Malaysia, Iran dan China, subsidi baja terbukti menyumbang kepada perlindungan keperluan asas manusia seperti keselamatan makanan, kelangsungan pendapatan, serta kestabilan sosial komuniti tani. Oleh itu, penilaian terhadap subsidi baja perlu dilihat bukan hanya dari sudut keberkesanan pengeluaran, tetapi sejauh mana dasar tersebut selari dengan prinsip maqasid dalam memelihara nyawa (*hifz al-nafs*), harta (*hifz al-mal*), serta elemen tambahan seperti akal (*hifz al-'aql*) dan kelestarian generasi (*hifz al-nasl*). Sehubungan itu, analisis berikut menghuraikan penerapan elemen maqasid dalam literatur terdahulu, diikuti penilaian tahap keselarasan subsidi baja dengan prinsip maqasid secara menyeluruh.

### 6.1 Mengenal Pasti Penerapan Elemen Maqasid Syariah Dalam Skim Subsidi Baja Berdasarkan Literatur Terdahulu

Pertama, literatur menunjukkan bahawa *Hifz al-Nafs* menjadi elemen maqasid yang paling dominan dalam pelaksanaan subsidi baja, khususnya melalui usaha menjamin keterjaminan makanan dan perlindungan terhadap kesejahteraan rakyat. Kajian di Senegal dan Sri Lanka misalnya, menegaskan bahawa subsidi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman asas seperti padi dan beras, sekali gus melindungi masyarakat daripada risiko kekurangan bekalan makanan serta ancaman kelaparan. Elemen ini jelas menunjukkan bahawa subsidi dilaksanakan sebagai mekanisme perlindungan kehidupan, selari dengan keutamaan maqasid yang meletakkan nyawa sebagai masalah daruriyyat.

Kedua, elemen *Hifz al-Mal* turut diterapkan secara konsisten dalam pelbagai kajian yang menilai keberkesanan subsidi sebagai langkah mengurangkan beban kos pengeluaran dan menyokong kestabilan ekonomi petani. Kajian seperti oleh Prasaktiyoga & Supyandi (2021) serta Aghabeygi et al. (2022) memperincikan peranan subsidi dalam mengurangkan kos input, meningkatkan pendapatan petani, serta mengelakkan pembaziran sumber awam melalui pelaksanaan bersasar dan sistem agihan yang lebih telus. Ini menunjukkan hubungan langsung antara subsidi dan pemeliharaan kekayaan rakyat. Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa penerapan maqasid bukanlah teori abstrak, tetapi wujud dalam rasional ekonomi dasar subsidi baja.

### 6.2 Menilai tahap keselarasan skim subsidi baja dengan prinsip Maqasid Syariah

Dari sudut keselarasan prinsip maqasid, literatur menunjukkan bahawa skim subsidi yang dilaksanakan secara bersasar dan mampan mempunyai tahap keselarasan yang tinggi dengan *hifz al-nafs*, terutamanya dalam konteks menjamin keselamatan makanan negara. Kajian dari Senegal, Sri Lanka dan Indonesia membuktikan bahawa subsidi yang berfungsi sebagai perlindungan terhadap bekalan makanan nasional menepati tuntutan maqasid dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat. Ini menunjukkan bahawa keselarasan syariah semakin kukuh apabila pencapaian dasar memberi manfaat sosial jangka panjang.

Selain itu, keselarasan dengan *hifz al-mal* dapat dilihat apabila subsidi dikaitkan dengan integriti pengurusan dan kecekapan tadbir urus. Beberapa kajian seperti Amin et al. (2022) serta Arodha (2024) membuktikan bahawa strategi pengoptimuman pengagihan, pencegahan ketirisan, serta penambahbaikan kerangka perundangan meningkatkan keberkesanan subsidi dan mengurangkan pembaziran dana awam. Ini bermakna maqasid tidak hanya dipenuhi pada peringkat output, tetapi juga pada peringkat tata kelola sumber. Namun, keselarasan ini tidak berlaku secara automatik dalam semua konteks. Kajian di China dan Iran misalnya menunjukkan bahawa subsidi yang tidak bersasar atau mengekalkan pergantungan pada baja kimia membawa kepada kesan negatif terhadap kelestarian alam sekitar dan kecekapan fiskal, sekali gus menjejaskan maqasid jangka panjang. Oleh itu, tahap keselarasan adalah bersyarat: subsidi selaras dengan maqasid apabila ia disertai ciri keberkesanan, keadilan agihan dan kelestarian. Namun ia menjadi kurang selaras apabila hanya berfungsi sebagai intervensi kos jangka pendek tanpa reformasi struktur.

## 7. Kesimpulan

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa skim subsidi baja mempunyai hubungan langsung dengan pelaksanaan *Maqasid Syariah*, terutamanya dalam konteks pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*). Kebanyakan kajian menegaskan bahawa subsidi memastikan keterjaminan makanan dan menyokong kelangsungan sara hidup petani melalui peningkatan hasil pertanian dan akses input yang lebih murah. Ini membuktikan bahawa subsidi bukan sekadar alat ekonomi, tetapi turut bertindak sebagai mekanisme perlindungan sosial yang memenuhi masalah asas masyarakat tani, selari dengan objektif syariah.

Walau bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan variasi dari segi keberkesanan dan tahap keselarasan maqasid, bergantung kepada reka bentuk pelaksanaan dan ketelusan tadbir urus. Negara yang melaksanakan subsidi secara bersasar dan disokong oleh infrastruktur agihan yang telus menunjukkan keselarasan maqasid yang lebih tinggi. Sebaliknya, konteks yang bergantung pada subsidi tanpa reformasi teknikal atau mekanisme ketelusan menunjukkan keselarasan yang lebih rendah kerana berpotensi menimbulkan ketirisan, ketidakcekapan fiskal dan impak negatif terhadap kelestarian sumber.

Dari perspektif maqasid yang lebih luas, dapatan literatur juga mengisyaratkan keperluan transformasi subsidi daripada model bantuan kos input semata-mata kepada model pemerksaan yang menyokong inovasi lestari, teknologi hijau dan kecekapan rantai bekalan. Ini selari dengan perkembangan elemen tambahan maqasid seperti *hifz al-'aql* (inovasi dan ilmu) serta *hifz al-nasl* (kelangsungan generasi). Justeru, keselarasan subsidi dengan maqasid bukan sahaja bergantung kepada tujuan pemberian bantuan, tetapi juga kepada sejauh mana subsidi tersebut menyumbang kepada kelestarian ekonomi dan makanan dalam jangka panjang.

## RUJUKAN

- Adiraputra, P., & Supyandi, D. (2021). The effectiveness of fertilizer subsidy: How the impact to the production. *SOCA: Jurnal Sosial Ekonomi Pertanian*, 15(2), 345–356. <https://doi.org/10.24843/SOCA.2021.v15.i02.p10>
- Adnan, N., Nordin, S. M., & Anwar, A. (2021). Transition pathways for Malaysian paddy farmers to sustainable agricultural practices: An integrated exhibiting tactics to adopt



- green fertilizer. *Land Use Policy*, 90, 104255.  
<https://doi.org/10.1016/j.landusepol.2019.104255>
- Aghabeygi, M., Louhichi, K., & Gomez y Paloma, S. (2022). Impacts of fertilizer subsidy reform options in Iran: An assessment using a Regional Crop Programming model. *Bio-based and Applied Economics*, 11(1), 55–73. <https://doi.org/10.36253/bae-10981>
- Ali, A., Rahut, D. B., & Imtiaz, M. (2019). Affordability linked with subsidy: Impact of fertilizers subsidy on household welfare in Pakistan. *Sustainability (Switzerland)*. *Sustainability*, 11: 5161
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *Maqasid al-Syari'ah al-Muta'alliqah bi al-Mal*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amin, R. M., Ahamat, H., & Hassan, M. S. (2022). Regulatory framework of rice fertiliser subsidy management to attain Sustainable Development Goals: Malaysia's perspective. *Journal of Sustainability Science and Management*, 17(8), 175–195. <https://doi.org/10.46754/jssm.2022.08.011>
- Arodha, D. (2024). Optimizing strategy of subsidized fertilizer distribution to POKTAN (Farmer Groups). *IDAROTUNA: Jurnal Administrative Science*, 5(2), 185–195. <https://doi.org/10.54471/idarotuna.v5i2.111>
- Arrief Chandra Setiawan, Djoko Mursinto, Tri Haryanto. (2021). *Trikonomika* Volume 20, No. 1, June 2021, Page. 1-10.
- Ashari, H., Fahmid, I. M., Ali, M. S. S., & Indraningsih, K. S. (2021). Policy urgency and development of the highest retail price (HRP) of subsidised fertilizer. *E3S Web of Conferences*. 316, 02037 (2021)
- Auda, Jasser. (2008). *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. London: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- C Farado, Munajat, Fifian Permata Sari, A Tarmizi. (2024). Factors Influencing Rice Production and the Relationship with Fertilizer Subsidies at East OKU District. *Asian Journal of Applied Research for Community Development and Empowerment*. Vol 8 (2024), No.2. <https://ojs.unud.ac.id/index.php/soca>.
- Cochrane Handbook for Systematic Reviews of Interventions. (2024). Retrieved from <https://www.cochrane.org/authors/handbooks-and-manuals/handbook/current/chapter-01>
- Diallo, M. F., Garba, A. A., & et al. (2023). Effect of seed and fertilizer subsidies on the technical efficiency of rice farmers in Senegal. *Journal of Agricultural Science*, 16(10), 81-99.
- Dorward, A., Roberts, P., Finegold, C., Hemming, D., Chirwa, E., Wright, H., Hill, R., Osborn, J., Lamontagne-Godwin, J., Harman, L., & Parr, M. (2018). PROTOCOL: Agricultural Input Subsidies for improving Productivity, Farm Income, Consumer Welfare and Wider Growth in Low- and Middle-Income Countries: A Systematic Review. *Campbell Systematic Reviews*, 10, 1-153. <https://doi.org/10.4073/csr.2018.4>.
- Dulanjani, P. A., & Shantha, A. A. (2021). Micro-economic impact of fertilizer subsidy in paddy cultivation in Sri Lanka. *American Journal of Humanities and Social Sciences Research (AJHSSR)*, 5(4), 86-95. e-ISSN: 2378-703X.
- Dulanjani, P. A., & Shantha, A. A. (2022). The impact of fertilizer subsidy on average paddy yield in Sri Lanka. *Sri Lanka Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 12-26.
- Fahmid, I. M., Jamil, A., Wahyudi, W., Agustian, A., Hatta, M., Aldillah, R., ... & Susilowati, S. H. (2022). Impact of increasing the highest retail price of subsidized fertilizer on rice

- production in Indonesia. *Open Agriculture*, 7(1), 348-359. <https://doi.org/10.1515/opag-2022-0087>
- Fan, D., & Yang, F. (2024). Assessing the impact of China's agricultural subsidy reform on fertilizer management: a county-level empirical analysis based on difference-in-difference model. *Frontiers in Sustainable Food Systems*, 7, 1298425. <https://doi.org/10.3389/fsufs.2023.1298425>
- Gazzani, F. (2021). Rethinking the mineral fertilizer subsidy scheme to promote environmental protection in Italy. *Outlook on Agriculture*, 50(3), 230-237.
- Haniff Ahamat, Muhamad Sayuti Hassan. (2022). Regulatory Framework Of Rice Fertiliser Subsidy Management To Attain Sustainable Development Goals: Malaysia's Perspective. *Journal of Sustainability Science and Management* · August 2022. <https://www.researchgate.net/publication/363841373>.
- Hendrita, V., Meidita, F., & Supriyanti, J. (2025). Implementation of subsidized fertilizer distribution using the farmer card in Sijunjung District, Sijunjung Regency, West Sumatra. *AIP Conference Proceedings. The 5th International Conference On Information Technology, Advanced Mechanical And Electrical Engineering*. DOI: 10.1063/5.0269397
- Higgins, J. P. T., Thomas, J., Chandler, J., Cumpston, M., Li, T., Page, M. J., & Welch, V. A. (2011). *Cochrane handbook for systematic reviews of interventions* (2nd ed.). John Wiley & Sons.
- Imam Mujahidin Fahmid, Ali Jamil, Wahyudi, Adang Agustian, Muhammad Hatta, Rizma Aldillah, Rangga Ditya Yofa, Sumedi, Sumaryanto, Sri Hery Susilowati (2022). Study of the impact of increasing the highest retail price of subsidized fertilizer on rice production in Indonesia. *Open Agriculture* 7: 348–359.
- Ismail, N. A., & Abdul Rahim, Z. (2019). Analysis The Impact Of Subsidy On Rice Production In Muda Irrigation Area. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 73–83. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.28008>
- Ismail, S., Lim, F. P., Lau, G. C., & Yow, K. S. (2024). A Flexible Model For Fuel Subsidy Reform In Malaysia. *ASM Science Journal*. 19, 2024 <https://doi.org/10.32802/asmscj.2023.1680>
- Jais, H. M. (2012). The status of organic fertilizer in Malaysia: For Earth's sake. In *Organic fertilizers: Types, production and environmental impact*. *Journal of Integrative Agriculture* 2024, 23(2): 430–443.
- Kamali, Mohammad Hashim. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Karimullah, S. (2023). Exploration Of Maqasid Al-Shariah Concepts In The Development Of Islamic Economic Policies. *Mu'amalah : Jurnal Hukum Ekonomi Syariah*. <https://doi.org/10.32332/muamalah.v2i2.7747>.
- Koovalamkadu Velayudhan, P., Singh, A., & Korekallu Srinivasa, A. (2022). Effect of Direct Benefit Transfer Policy on Fertilizer Sales in India. *National Academy Science Letters*, 45(6), 481-484.
- Mather, D. L., & Jayne, T. S. (2018). Fertilizer subsidies and the role of targeting in crowding out: evidence from Kenya. *Food Security*, 10(2), 397-417.
- Mehrotra, A., Sivaramakrishnan, A., Dutta, M., & Rautela, R. (2023). *Digital readiness of states for Direct Benefit Transfer of fertiliser subsidy*. *Economic and Political Weekly*. (45-53)
- Nasrin, M., Bauer, S., & Arman, M. (2018). *Assessing the impact of fertilizer subsidy on farming efficiency: A case of Bangladeshi farmers*. *Open Agriculture*. 3 (1)

- Praveen, K. V., Singh, A., Kumar, P., Jha, G. K., Kingsly, I., & Aditya, K. S. (2021). Indian fertilizer subsidy conundrum: Tracking the recent developments. *The Indian Journal of Agricultural Sciences*, 91(4), 608-612.
- Rahim, N. A., Yusoff, Y. S., & Ibrahim, M. S. (2020). The Effects of Fuel Price Fluctuation on Household Income in Malaysia. *Malaysian Journal of Mathematical Sciences*, 14.
- SA Sembiring, J Hutaaruk, C P H Saragi, M F Nainggolan\*, S P Simbolon and J Tarigan. (2024). Implementation of fertilizer subsidy policy to fertilizer cost saving based on Indonesian minister of agriculture regulations. IOP Conf. Series: Earth and Environmental Science 1413.
- Sanusi, N. D. S., Ros, F. C., Demon, S. Z. N., Ismail, I., & Hamadne, I. (2024). Recent Use of AB Mix Nutrients for Urban Farming in Malaysia: A Mini Review. *Journal of Advanced Research Design*, 122(1), 150-162.
- Sarjiman, Y., Lazim, H. M., & Lamsali, H. (2023). A lean management approach of rice subsidy distribution: some findings from a study in selangor. *International Journal of Professional Business Review: Int. J. Prof. Bus. Rev.*, 8(1), 13.
- Sham, I. N., Yap, C. K., Nulit, R., Peng, S. H. T., & Chai, E. W. (2024). Nutrient Leaching in Oil Palm Plantation: A Review on Special Reference to Fertilization Application. *Pakistan Journal of Life & Social Sciences*, 22(2).
- Shittu, I., Abdul Latiff, A. R., Baharudin, S., & Mohd, S. (2024). Economy-wide impact of targeting and repurposing fossil fuel subsidies in Malaysia. *Energy Policy*. Elsevier, vol. 195(C).
- Solaymani, S., & Yusma Bt Mohamed Yusoff, N. (2018). Poverty effects of food price escalation and mitigation options: The case of Malaysia. *Journal of Asian and African Studies*. *Journal of Asian and African Studies* 53(2):002190961771427
- Tiraeyari, N., Hamzah, A., & Samah, B. A. (2014). Organic farming and sustainable agriculture in Malaysia: Organic farmers' challenges towards adoption. *Asian Social Science*.
- Tsiboe, F., Egyir, I. S., & Anaman, G. (2021). Effect of fertilizer subsidy on household level cereal production in Ghana. *Scientific African*, 13, e00916.
- Vondolia, G. K., Eggert, H., & Stage, J. (2021). The effect of fertilizer subsidies on investment in soil and water conservation and productivity among Ghanaian farmers using mechanized irrigation. *Sustainability*, 13(15), 8242.
- Yatimah Sarjiman A, Halim Mad Lazim B, Hendrik Lamsali. (2022). A Lean Management Approach Of Rice Subsidy Distribution: Some Findings From A Study In Selangor. *International Journal of Professional Business Review*. <https://doi.org/10.26668/businessreview/2023.v8i1.1257>.
- Zhu, M.; Zheng, K.; Liu, B.; Jin, F. Can Agricultural Support and Protection Subsidy Policies Promote High-Quality Development of Grain Industry? A Case Study of China. *Agriculture* 2024, 14, 1664. <https://doi.org/10.3390/agriculture14101664>.
- Zongyi Wu et al. Repositioning fertilizer manufacturing subsidies for improving food security and reducing greenhouse gas emissions in China